

SOALAN NO. 92**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan dibawah Jabatan Perdana Menteri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Pembangunan yang diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM613,949,837.00, tahun 2016 adalah RM1,444,217,681.14 dan tahun 2017, RM1,750,020,100.00 untuk dibelanjakan bagi Negeri Sarawak.

Peruntukan ini melibatkan antaranya seperti projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak, Projek Pembekalan Tangki Air Ke Negeri Sarawak, Projek Pembinaan Pejabat Dan Kuarters APMM Daerah Miri, Sarawak dan termasuk projek-projek di bawah RECODA iaitu Jalan Akses Ke Tapak Empangan Baleh, Bahagian Kapit, Taman Perindustrian Samalaju, Bekalan Air Mukah dan lain-lain projek.

Peratusan peruntukan pembangunan keseluruhan dibawah Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015 adalah 4.70%, tahun 2016 adalah 10.01% dan tahun 2017 adalah 15.83%.

Sekian, terima kasih.